

Ciuman, pelukan erat ibu jadi petanda

GERIK - Dakapan erat dan ciuman ibu menjadi petanda pemergian lima sekeluarga dalam nahas di Kilometer 62 Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli berhampiran Hentian Rehat dan Rawat Titiwangsa di sini, pada Sabtu.

Perkara itu dikongsi Mohammad Firdaus Mohd Rodhi, 35, anak sulung daripada lima beradik kepada pasangan Mohd Rodhi Othman, 64, dan Sharifah Rohana Syed Sagaf, 59, yang maut dalam kejadian itu.

Kejadian sekitar jam 3.45 petang itu turut meragut nyawa adik perempuan Firdaus, Siti Aishah, 32, suaminya, Ahmad

Khomaini Baba, 32, dan anak perempuan mereka, Zara Hana, 6.

Firdaus berkata, sehari sebelum kejadian tersebut, ibu bapa bersama tiga ahli keluarga lain yang menetap di Sungai Petani, Kedah pergi ke Pasir Tumboh, Kelantan untuk menghantar seorang lagi adik perempuannya mendaftar masuk ke sebuah pusat pengajian.

Jelas beliau, mereka sepatutnya pulang pada Ahad, namun mempercepatkan perjalanan balik kerana mahu menghadiri pengebumian seorang saudara rapat yang meninggal dunia.

"Pada pagi Jumaat sebelum

mereka bertolak, mak bersalam dan peluk saya dengan erat macam ketika hari raya.

"Suasana pun macam sedih dan lain daripada kebiasaan tetapi saya tak fikirkan sangat, sampailah kejadian ini berlaku, baru saya sedar mungkin itu petanda mereka akan pergi buat selamanya," katanya ketika ditemui di Bilik Mayat Hospital Gerik pada Sabtu.

Tambah Firdaus, pada sebelah pagi sebelum kejadian, dia ada menghubungi ibunya dan pada sebelah petang beberapa jam sebelum kejadian, adik perempuan sempat membuat panggilan video dengan adik-beradik yang lain.



Gambar kenangan Mohammad Firdaus bersama lima keluarganya yang terkorban (bulatan) dalam nahas di Gerik, Perak pada Sabtu.

Jenazah lima beranak dikebumi dalam satu liang lahad

BUTTERWORTH - Jenazah lima sekeluarga yang maut dalam nahas membabitkan dua kenderaan di Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli berhampiran Hentian Rehat Titiwangsa selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Haji Abdul Rashid di Kampung Permatang Sungai Dua, di sini pada Ahad.

Jenazah Ahmad Khomaini Baba, 32; isterinya, Siti Aishah Mohd Rodhi, 32; anak mereka, Zara Hana, 6; bapa serta ibu Siti Aishah, Mohd Rodhi Othman, 64, dan Sharifah Rohana Syed Sagaf, 59 dikebumikan dalam satu liang lahad kira-kira jam 2.50 petang.

Jenazah lima sekeluarga itu sebelum itu selesai menjalani proses bedah siasat di Hospital Gerik, Perak dan tiba di masjid pada jam 12.55 tengah hari.

Kira-kira 500 orang terdiri daripada ahli keluarga, jiran serta rakan-rakan hadir memberi penghormatan terakhir dan melakukan solat jenazah sebelum mangsa nahas itu dikebumikan.



Jenazah lima sekeluarga dikebumikan dalam satu liang lahad di Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Haji Abdul Rashid, Kampung Permatang Sungai Dua, Butterworth pada Ahad.

Toyota Hilux hilang kawalan ragut 5 nyawa

Terbabas ke laluan bertentangan sebelum rempuh kenderaan dinaiki lima sekeluarga

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

Hilang kawalan dipercayai menjadi punca nahas dua kenderaan di Kilometer 62 Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli hingga mengakibatkan lima sekeluarga terkorban pada Sabtu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, siasatan awal mendapati pacuan empat roda Toyota Hilux yang datang dari arah Gerik ke Jeli telah hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan.

Menurutnya, keadaan itu mengakibatkan kenderaan Perodua Alza yang dinaiki lima sekeluarga itu tidak dapat mengelak lalu bertembung.

"Semasa kejadian, Perodua Alza berkenaan dalam perjalanan dari arah Jeli ke Gerik.

"Akibat kemalangan itu, pemandu dan empat penumpang meninggal dunia di tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Beliau memberitahu, mangsa yang meninggal dunia ialah pasangan suami isteri, Ahmad Khomaini Baba, 32, Siti Aishah Mohd Rodhi, 32, dan anak perempuan mereka,



Anggota bomba berusaha mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam Perodua Alza.

Zara Hana Ahmad Khomaini, berusia enam tahun.

Dua lagi mangsa merupakan ibu bapa kepada Siti Aishah iaitu Mohd Rodhi Othman, 64, dan Sharifah Rohana Syed Sagaf, 59.

"Proses bedah siasat telah selesai dan semua jenazah akan dikafankan di Bilik Mayat Hospital Gerik pada 9 pagi Ahad.

"Mereka yang tinggal di Sungai Petani, Kedah akan dikebumikan di Kampung Permatang Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Mior Faridalathrash berkata, empat penumpang dalam kenderaan Toyota Hilux terselamat dalam kejadian tersebut.

Jelas beliau, kesemua mereka yang berasal dari Tumpat, Kelantan

hanya mengalami kecederaan dan dihantar ke Hospital Jeli untuk rawatan lanjut.

"Siasatan kes masih diteruskan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Beliau turut menasihati orang ramai yang menggunakan jalan raya supaya lebih berhati-hati ketika memandu.

"Juga merancang perjalanan serta mendapatkan rehat yang secukupnya ketika ingin melakukan perjalanan yang jauh," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan lima sekeluarga termasuk seorang kanak-kanak maut selepas kenderaan dinaiki mereka terbabit dalam nahas dengan sebuah Toyota Hilux yang terbabas dalam kejadian pada kira-kira jam 3.45 petang Sabtu.